

PB/PIB Credit Card Online Acquisition Campaign – Your Gift Your Choice II (“Campaign”)

Terms and Conditions

Campaign Period

1. The Campaign is valid from 1 August 2020 until 31 December 2020 (**“Campaign Period”**).

Eligibility

2. The Campaign is open exclusively to New-To-Bank Public Bank / Public Islamic Bank (**“PB/PIB”**) Principal Credit Cardmembers during the Campaign Period. (**“Eligible Cardmember”**).
3. The following persons are excluded from participating in the Campaign: -
 - 3.1 Existing PB/PIB Principal Credit Cardmember;
 - 3.2 Former PB/PIB Principal Credit Cardmembers who have cancelled his/her PB/PIB Credit Card within two (2) years from the date of current application;
 - 3.3 Employees of the Public Bank Group, its advertising agencies, their immediate families or any other persons connected with the administration of the Campaign;
 - 3.4 Any PB/PIB Cardmembers applied via Public Bank Branch, Direct Sales channel or RinggitPlus channel (other than Source Code: GRGPWB0720).
4. Eligible Cardmember who applied for any PB/PIB Credit Card via this Campaign will not be eligible for other PB/PIB Credit Card Acquisition Offers.
5. Eligible Cardmember without income documents who opt to participate in the Campaign requires minimum Fixed Deposit pledged at RM10,000 with one (1) year tenure.

Participation Criteria

6. The Eligible Cardmember must perform a one-time short message service (SMS) registration to participate in the Campaign by following the example given: -

SMS “PB20<space>12-digit NRIC number” to 66300.

Example: PB20 900808148888

Note: Applications via RinggitPlus (Source Code: GRGPWB0720) do not require SMS registration

7. The Eligible Cardmember is responsible to ensure that the SMS details are complete, accurate and sent during the Campaign Period. Proof of SMS sent does not constitute a confirmation of receipt by the Bank.
8. The Eligible Cardmember who had successfully registered for the Campaign will receive a SMS confirmation from the Bank. A standard normal Telecommunication Operator charges apply for each SMS registration and shall be fully borne by the Eligible Cardmember.
9. The Bank reserves the absolute discretion to disqualify any registration due to duplicated entries, incomplete/ inaccurate SMS, late entries, error message, unsuccessful registration due to network failure and/ or interruption experienced by a Telecommunication Operator or for any reasons whatsoever as the Bank may in its absolute discretion deem fit.
10. In the event the SMS is incomplete/invalid, an outgoing SMS will be sent to the Eligible Cardmember, at no cost, to inform him to re-register via SMS.
11. If the date and time of a successful SMS registration or transaction date and time captured in the Bank’s system differs or a dispute arises as to when the registration took place, the Bank’s system date and time shall prevail.
12. After the successful SMS registration, the Eligible Cardmember is required to use his PB/PIB Credit Card in the following manner to qualify for the Campaign Item under this Campaign: -

Campaign Item: Available options

| Option | Campaign Item | Criteria |
|---------------|---|---|
| 1 | Complimentary RM250 Lazada e-Voucher | <u>Example:</u> SMS “PB20 900808148888” to 66300 AND Spend an accumulative amount of minimum RM500 within 60 days from card approval date |
| 2 | Galaxy Tab A (2019, 8.0, LTE) PB Deal: RM288 (RRP: RM599) | |
| 3 | HUAWEI Y5p PB Deal: RM88 (RRP: RM359) | |

13. Eligible Cardmember who spend an accumulative amount of minimum RM500 on retail transaction AND performed one-time SMS Registration within 60 days from card approval date (“Qualifying Period”) will be eligible for Campaign Item.
14. Each Eligible Cardmember is only entitled to one (1) unit of the Campaign Item throughout the Campaign Period.
15. The Campaign Item will be delivered on a first-come, first-served basis, while stocks last.
16. For the purpose of this Campaign, “retail transaction” means the purchase of any goods or services (local and overseas) with the use of the PB/PIB Credit Card and may, at Public Bank’s discretion, include any PB/PIB Credit Card transaction as may be determined by Public Bank except for the following transactions but not limited to:

- a) “Flexipay” AND “Zero Interest Instalment Plan” monthly instalment payment
 - b) Balance Transfer
 - c) Auto-Debit & Recurring Payments
 - d) Payments for utilities, direct marketing, insurance premiums, government related payments or payment via www.pbebank.com
 - e) Any refund, disputed, unauthorized or fraudulent retail transaction
 - f) Cash Advance / Cash Withdrawal, quasi cash, casino transactions, interest payments, late payment fees, finance charges, annual fees, reversals, payment to charity(ies) and any other form of service / miscellaneous fees
17. The Campaign Item and the colour of the Campaign Item are subject to availability. In the event of unforeseen circumstances, Public Bank reserves the right to substitute alternative item of equivalent or greater value.
18. The Campaign Item(s) are not transferable, non-negotiable and non-exchangeable for cash, credit or kind. The Campaign Item(s) does not include any accessory and items shown in any advertisement and/or promotional material are for illustration purposes only.
19. The Eligible Cardmember(s) will receive one (1) allocated Unique ID notified via SMS when the Eligibility and Participation Criteria are met. The Eligible Cardmember(s) shall visit <https://dcode.3ex.com.my/pbb> to redeem the Campaign Item using the allocated Unique ID and the last 6-digit of the NRIC number.
20. The Campaign Item will be delivered to the Eligible Cardmember’s address provided in <https://dcode.3ex.com.my/pbb> within FOUR (4) to EIGHT (8) weeks after the end of the Qualifying Period and upon fulfilment of all terms and conditions listed.
21. The Bank will not entertain any request to deliver the Campaign Item to an overseas address, a third party and/or P.O. Box address.

22. The fulfillment and delivery of the Campaign Item(s) are handled by Tri E Marketing Sdn Bhd (825150-M) with its registered address at A-5-35, IOI Boulevard, Jalan Kenari 5, Bandar Puchong Jaya, 47170 Puchong, Selangor, Malaysia.
23. The contact and delivery details of the Eligible Cardmember as shared with Tri E Marketing Sdn Bhd will be used for the purpose of fulfilment and delivering of the Campaign Item.
24. Tri E Marketing Sdn Bhd will contact the Eligible Cardmember to verify the Eligible Cardmember's address for the purpose of delivering the Campaign Item (only when necessary). The Eligible Cardmember is to contact Tri E Marketing Sdn Bhd at 03-8076 1313 on any queries pertaining to the delivery of the Campaign Item.
25. If there is any dispute or non-receipt of the Campaign Item, the Eligible Cardmember is required to contact PB Card Customer Service (03-2176 8000) by **31 March 2021** at the latest to request an inquiry. No request for any inquiry will be entertained after **31 March 2021**.
26. Public Bank does not warrant nor liable for any damage or bodily injury occasioned by the use of the Campaign Item(s) and neither represent the quality or fitness for any purpose of the Campaign Item(s).
27. The Bank's makes no representation or warranty to the quality, merchantability or suitability for use of the Campaign Item(s) and accordingly the Bank shall not be responsible to replace any lost, stolen or defective Campaign Item(s) due to defects in material or workmanship by manufacturer under warranty or otherwise. The Eligible Cardmember is to liaise / contact the manufacturer directly and/or its authorised dealer for such warranty information, claim and/or terms conditions specific to the installation, specification, usage and/or operation of the Campaign Item(s).
28. An Eligible Cardmember whose card account(s) has been suspended, cancelled or terminated during the Campaign Period will not be entitled to the Campaign Item.
29. Any risk of loss or damage to the Campaign Item will be passed to the Eligible Cardmember after delivery of the Campaign Item. The Bank shall not be liable to recognise or replace any defective, lost, damaged or stolen after the delivery of the Campaign Item(s).

30. The Bank's records of the application and approval dates will be final and conclusive.

General Terms and Conditions

31. The Bank reserves the right to change, amend, delete or add on to these Terms and Conditions from time to time with at least twenty one (21) calendar days prior notice which notice of such change, amendment, deletion or addition shall be published on the Bank's website www.pbebank.com.

32. By participating in this Campaign, the Eligible Cardmember :

- a) shall be deemed to have read, understood and agreed to be bound by these Terms and Conditions stated herein. The decision of the Bank shall be final, binding and conclusive. No correspondence, disputes and appeals will be entertained;
- b) agrees and consents that information regarding him/her can be processed, collected, used and stored by the Bank for the purpose of this Campaign;
- c) agrees and consents that his/her full name, contact number and mailing address will be forwarded by the Bank to Tri E Marketing Sdn Bhd to enable Tri E Marketing Sdn Bhd to deliver the Campaign Item(s);
- d) agrees that the decision of the Bank will be final, binding and conclusive and that no appeal, correspondence, queries or protests will be entertained; and
- e) agrees and consents that the Bank, as the case may be, may use his/her registered contact number for marketing purposes within the Bank.

33. The Bank reserves the right to cancel, terminate or suspend the Campaign. For the avoidance of doubt, cancellation, termination or suspension by the Bank of the Campaign shall not entitle the Eligible Cardmember to any claim or compensation against the Bank for any and all loss or damage suffered or incurred by the Eligible Cardmember as a direct and indirect result of the act of cancellation, termination or suspension.

34. The Bank shall not be liable, whether direct or consequential, for any loss and damage or whatsoever suffered by the Eligible Cardmember caused directly or indirectly, in whole or in part, from his/her participation in the Campaign as a result of any act or omission on the part of the Bank.
35. The Terms and Conditions herein are in addition to and without prejudice to the Terms and Conditions stated in the Cardmember Agreement applicable to the Eligible Cardmember's Card Account. In the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and the said Agreement, these Terms and Conditions shall prevail in so far as they apply to the "PB/PIB Credit Card Online Acquisition Campaign – Your Gift Your Choice II".
36. In the event of a conflict, discrepancy or variance in the terms and conditions in the English Language version and Bahasa Malaysia version, the terms and conditions of the English Language version shall prevail.

END

Kempen Pemerolehan Kad Kredit PB / PIB Dalam Talian - Hadiah Anda Pilihan Anda II (“Kempen”)

Terma Dan Syarat

Tempoh Kempen

1. Kempen ini sah dari 1 Ogos 2020 hingga 31 Disember 2020 (“Tempoh Kempen”).

Kelayakan

2. Kempen ini dibuka secara eksklusif kepada Ahli Kad Kredit Utama Public Bank / Public Islamic Bank (“PB/PIB”) Baharu semasa Tempoh Kempen (“Ahli Kad yang Layak”).
3. Mereka yang berikut dikecualikan daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini:-
 - 3.1 Ahli Kad Utama PB/PIB yang sedia ada;
 - 3.2 Bekas Ahli Kad Kredit Utama Public Bank yang telah membatalkan Kad Kredit PB/PIB mereka dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh permohonan sekarang;
 - 3.3 Kakitangan Kumpulan Public Bank, agensi pengiklanannya, ahli keluarga terdekat mereka atau mana-mana orang yang mempunyai hubungan dengan pengurusan Kempen ini;
 - 3.4 Mana-mana Ahli Kad PB/PIB yang memohon menerusi saluran Cawangan Public Bank, Jualan Langsung atau saluran RinggitPlus (selain daripada Kod Sumber: GRGPWB0720).
4. Ahli Kad yang Layak yang memohon Kad Kredit PB/PIB melalui Kempen ini tidak layak untuk Tawaran Pemerolehan Kad Kredit PB/PIB yang lain.
5. Ahli Kad yang Layak tanpa dokumen pendapatan yang memilih untuk menyertai Kempen ini memerlukan Deposit Tetap minimum yang dicagarkan sebanyak RM10,000 untuk tempoh satu (1) tahun.

Kriteria Penyertaan

6. Ahli Kad yang Layak mesti membuat satu kali pendaftaran khidmat pesanan ringkas (SMS) untuk mengambil bahagian dalam kempen ini dengan mengikut contoh yang diberi di bawah:-

SMS “PB20<jarak>nombor kad pengenalan 12 digit” ke 66300.

Contoh: PB20 900808148888

Nota: Permohonan melalui RinggitPlus (Kod Sumber: GRGPWB0720) tidak memerlukan pendaftaran SMS

7. Ahli Kad yang Layak bertanggungjawab untuk memastikan butiran SMS adalah lengkap, tepat dan dihantar semasa Tempoh Kempen. Bukti SMS yang dihantar bukanlah pengesahan penerimaan oleh Bank.
8. Ahli Kad yang Layak yang berjaya mendaftar untuk Kempen ini akan menerima pengesahan SMS daripada Bank. Caj Pengendali Telekomunikasi biasa yang standard akan dikenakan bagi setiap pendaftaran SMS dan hendaklah dibayar sepenuhnya oleh Ahli Kad yang Layak.
9. Bank berhak atas budi bicara mutlaknya untuk tidak menerima apa-apa pendaftaran disebabkan oleh penyertaan berganda, SMS yang tidak lengkap/tidak tepat, penyertaan lewat, mesej yang silap, pendaftaran yang tidak berjaya dibuat disebabkan oleh kegagalan rangkaian dan/ atau gangguan yang dialami oleh Pengendali Telekomunikasi atau apa juga sebab yang Bank atas budi bicara mutlaknya anggap wajar.
10. Sekiranya SMS tidak lengkap/tidak sah, SMS balas akan dihantar kepada Ahli Kad yang Layak secara percuma, untuk memaklumkan kepada beliau untuk mendaftar semula melalui SMS.
11. Sekiranya tarikh dan waktu pendaftaran SMS yang berjaya dibuat atau tarikh urus niaga dan masa yang dirakam dalam sistem Bank berbeza atau timbul pertikaian mengenai bila pendaftaran dibuat, tarikh dan masa dalam sistem Bank akan diterima pakai.

12. Selepas pendaftaran SMS berjaya dibuat, Ahli Kad yang Layak perlu menggunakan Kad Kredit PB/PIB dengan cara yang berikut untuk layak mendapatkan Barang Kempen di bawah Kempen ini:-

Barang Kempen: Pilihan yang disediakan

| Pilihan | Barang Kempen | Kriteria |
|---------|--|---|
| 1 | Komplimentari e-Baucar Lazada bernilai RM250 | <p><u>Contoh:</u> SMS “PB20 900808148888” ke 66300 DAN Belanja amaun terkumpul minimum sebanyak RM500 dalam tempoh 60 hari dari tarikh kad diluluskan</p> |
| 2 | Galaxy Tab A (2019, 8.0, LTE) Tawaran PB: RM288 (RRP: RM599) | |
| 3 | HUAWEI Y5p Tawaran PB: RM88 (RRP: RM359) | |

13. Ahli Kad yang Layak yang berbelanja amaun terkumpul minimum sebanyak RM500 untuk urus niaga runcit DAN membuat satu kali Pendaftaran SMS dalam tempoh 60 hari dari tarikh kad diluluskan (“Tempoh Kelayakan”) layak untuk mendapat Barang Kempen.
14. Setiap Ahli Kad yang Layak hanya layak untuk mendapat satu (1) unit Barang Kempen sahaja sepanjang Tempoh Kempen ini.
15. Barang Kempen akan dihantar atas dasar siapa cepat dia dapat, sementara stok masih ada.

16. Bagi tujuan Kempen ini, “urus niaga runcit” bermaksud pembelian apa-apa barang atau perkhidmatan (di dalam dan luar negeri) menggunakan Kad Kredit PB/PIB dan boleh, atas budi bicara Public Bank, termasuk urus niaga Kad Kredit PB/PIB seperti yang akan ditentukan oleh Public Bank melainkan untuk urus niaga yang berikut tetapi tidak terhadap pada:
- a) “Flexipay” DAN bayaran ansuran bulanan “Pelan Ansuran Sifar Faedah”
 - b) Pindahan Baki
 - c) Bayaran Debit Auto dan Bayaran Berulang
 - d) Bayaran untuk utiliti, pemasaran terus, premium insurans, pembayaran berkaitan kerajaan, pembayaran melalui www.pbebank.com
 - e) Apa-apa pulangan balik, urus niaga yang dipertikaikan, tidak dibenarkan atau bagi tujuan penipuan
 - f) Pendahuluan Tunai/Pengeluaran Tunai, separa tunai, urus niaga kasino, pembayaran faedah, fi pembayaran lewat, caj kewangan, fi tahunan, penarikbalikan, pembayaran kepada badan-badan kebajikan dan apa-apa jenis fi perkhidmatan/rencam
17. Barang Kempen dan warna Barang Kempen tertakluk pada sama ada ia masih ada atau tidak. Sekiranya berlaku sesuatu di luar jangkaan, Public Bank berhak untuk menggantikannya dengan barang yang sama harganya atau yang lebih mahal.
18. Barang Kempen tidak boleh dipindah milik, diurusniagakan dan ditukar dengan tunai, kredit atau barang. Barang Kempen ini tidak termasuk aksesori dan barang-barang seperti yang ditunjukkan di dalam iklan dan/atau bahan promosi dan hanyalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
19. Ahli Kad yang Layak akan menerima satu (1) ID unik yang diperuntukkan melalui SMS apabila Kriteria Kelayakan dan Penyertaan dipenuhi. Ahli Kad yang Layak harus melayari <https://dcode.3ex.com.my/pbb> untuk penebusan Barang Kempen menggunakan ID unik yang diperuntukkan dan 6 digit terakhir nombor kad pengenalan.

20. Barang Kempen akan dihantar kepada alamat Ahli Kad Layak yang disediakan di <https://dcode.3ex.com.my/pbb> dalam EMPAT (4) hingga LAPAN (8) minggu selepas berakhirnya Tempoh Kelayakan dan setelah memenuhi semua terma dan syarat yang disenaraikan.
21. Bank tidak akan melayan sebarang permintaan untuk menghantar Barang Kempen ke alamat luar negara, pihak ketiga dan/atau alamat Peti Surat.
22. Penunaian dan penghantaran Barang Kempen dikendalikan oleh Tri E Marketing Sdn Bhd (825150-M) dengan alamat berdaftaranya A-5-35, IOI Boulevard, Jalan Kenari 5, Bandar Puchong Jaya, 47170 Puchong, Selangor, Malaysia.
23. Nombor telefon dan alamat penghantaran Ahli Kad yang Layak yang dikongsi dengan Tri E Marketing Sdn Bhd akan digunakan bagi tujuan penghantaran dan penunaian Barang Kempen.
24. Tri E Marketing Sdn Bhd akan menghubungi Ahli Kad yang Layak untuk mengesahkan alamat Ahli Kad bagi tujuan penghantaran Barang Kempen (hanya apabila perlu). Ahli Kad yang Layak hendaklah menghubungi Tri E Marketing Sdn Bhd melalui 03-8076 1313 untuk apa-apa pertanyaan berkaitan dengan penghantaran Barang Kempen.
25. Sekiranya terdapat pertikaian mengenai Barang Kempen atau Barang Kempen tidak diterima, Ahli Kad yang Layak perlu menghubungi Perkhidmatan Pelanggan Kad PB (03-2176 8000) sebelum **31 Mac 2021** untuk memohon inkuiri. Tiada permohonan untuk inkuiri akan dilayani selepas **31 Mac 2021**.
26. Public Bank tidak menjamin atau bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan atau kecederaan pada badan yang disebabkan oleh penggunaan Barang Kempen dan Bank juga tidak menjamin kualiti atau kesesuaian bagi apa juga tujuan Barang Kempen berkenaan.
27. Bank tidak membuat representasi atau jaminan terhadap kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian penggunaan Barang Kempen dan dengan itu, Bank tidak bertanggungjawab untuk menggantikan Barang Kempen yang hilang, dicuri atau rosak disebabkan oleh kerosakan pada barang atau pembuatannya oleh pembuat di bawah jaminan atau sebaliknya. Ahli Kad yang Layak hendaklah berurusan/menghubungi pembuat secara

terus dan/atau pedagang dibenarkan mengenai maklumat jaminan, tuntutan dan/atau terma syarat tertentu kepada pemasangan, spesifikasi, penggunaan dan/atau pengendalian Barang Kempen.

28. Seorang Ahli Kad yang Layak yang akaun kadnya telah digantung, dibatalkan atau ditamatkan semasa Tempoh Kempen tidak layak untuk Barang Kempen tersebut.
29. Apa-apa risiko kehilangan atau kerosakan bagi Barang Kempen akan dipindahkan kepada Ahli Kad yang Layak apabila Barang Kempen tersebut sampai. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk mengakui atau menggantikan Barang Kempen yang rosak, hilang, ganti rugi atau dicuri.
30. Rekod permohonan dan tarikh kelulusan oleh Bank adalah muktamad dan konklusif.

Terma dan Syarat Am

31. Bank berhak untuk menukar, meminda, memotong atau membuat penambahan kepada Terma dan Syarat dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar mengenai perubahan, pindaan, potongan atau tambahan yang hendaklah diterbitkan dalam laman web Bank www.pbebank.com.
32. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Ahli Kad yang Layak:
 - a) dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan di dalam ini. Keputusan Bank adalah terakhir, mengikat dan konklusif. Tiada surat-menyurat, pertikaian dan rayuan akan dilayani;
 - b) bersetuju dan mengizinkan maklumat mengenai beliau diproses, dipungut, digunakan atau disimpan oleh Bank bagi tujuan Kempen ini;
 - c) bersetuju dan mengizinkan nama penuhnya, no. telefon untuk dihubungi dan alamat surat-menyurat dihantar oleh Bank kepada Tri E Marketing Sdn Bhd bagi membolehkan Tri E Marketing Sdn Bhd menghantar Barang Kempen;
 - d) bersetuju bahawa keputusan Bank adalah terakhir, mengikat dan konklusif dan tiada rayuan, surat-menyurat, pertanyaan atau bantahan akan dilayani; dan

- e) bersetuju dan mengizinkan Bank, mengikut keadaan, menggunakan nombor telefon yang didaftarkan untuk tujuan pemasaran dalam lingkungan Bank.
33. Bank berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Kempen ini. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penangguhan Kempen ini oleh Bank tidak melayakkan Ahli Kad untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap Bank bagi semua atau mana-mana kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Ahli Kad yang Layak diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatan atau penangguhan berkenaan.
34. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan, sama ada secara langsung atau berikutan daripadanya, bagi apa-apa kerugian dan kerosakan atau apa juga pun yang ditanggung oleh Ahli Kad yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh penyertaan mereka dalam Kempen ini berikutan apa-apa tindakan atau ketertinggalan oleh Bank.
35. Terma dan Syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di dalam Perjanjian Ahli Kad yang diterima pakai bagi Akaun Kad Ahli Kad yang Layak. Sekiranya terdapat pertikaian antara Terma dan Syarat ini dengan Perjanjian tersebut, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai setakat mana ia berkaitan dengan “Kempen Pemerolehan Kad Kredit PB / PIB Dalam Talian - Hadiah Anda Pilihan Anda II”.
36. Sekiranya terdapat pertikaian, percanggahan dan perubahan dalam terma dan syarat antara versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Malaysia, terma dan syarat versi Bahasa Inggeris akan diterima pakai.

TAMAT
